



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA

Director General of Education Malaysia

KP(JPS)5181/01/02/Jld. 3(1)

Tarikh : 5 Februari 2004

Semua Ketua Eksekutif
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta.

Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KETUA PENDAFTAR INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BIL. 1/2004:**

**Pengecualian Mata Pelajaran Wajib Sebagai Pra-Syarat Penganugerahan
Sijil, Diploma Atau Ijazah Bagi Pelajar Program Kerjasama
Institusi Pendidikan Tinggi Awam Dengan Institusi Pendidikan Tinggi
Swasta.**

Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) memperuntukkan di bawah seksyen 43, bahawa semua institusi pendidikan tinggi swasta hendaklah mengajar mata pelajaran: Pengajian Malaysia, dan mata pelajaran yang berhubungan dengan pengajaran agama Islam bagi pelajar yang menganut agama Islam; dan pendidikan moral bagi pelajar bukan Islam. Mata pelajaran yang disebut di atas hendaklah diajarkan sebagai tambahan kepada mata pelajaran atau kursus pengajian lain yang diajarkan di institusi pendidikan tinggi swasta. Dalam hal pelajar yang merupakan warga negara Malaysia, kelulusan dalam mata pelajaran di atas, pada tahap yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang disebut dalam seksyen 39, hendaklah menjadi pra-syarat bagi penganugerahan sijil, diploma atau ijazah institusi pendidikan tinggi swasta.


2. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan mendapati kurikulum program kerjasama IPTA telah pun mengambilkira dan memasukkan elemen mata pelajaran wajib ini di dalam kursus teras universiti. Oleh yang demikian Kementerian Pendidikan menetapkan bahawa pelajar-pelajar yang mengikuti program kerjasama IPTA dengan IPTS bolehlah diberi pengecualian daripada mengikuti mata pelajaran wajib sebagai tambahan kepada kurikulum program kerjasama tersebut sebagaimana ditetapkan di bawah subseksyen 43(2). Adalah memadai bagi pelajar tersebut mengikuti kurikulum yang telah disediakan oleh

IPTA yang mengandungi kursus teras universiti, fakulti, program dan kursus elektif. Oleh itu kelulusan bagi mata pelajaran wajib sebagai pra syarat kepada penganugerahan sijil, diploma atau ijazah adalah tidak terpakai bagi pelajar-pelajar berkenaan.

3. Surat Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang mengikuti program kerjasama IPTA dengan IPTS dikecualikan daripada mengikuti mata pelajaran wajib di IPTS, iaitu (a) Pengajian Malaysia; (b) mata pelajaran yang berhubungan dengan pengajaran agama Islam bagi pelajar yang menganut agama Islam dan; (c) pendidikan moral bagi pelajar bukan Islam. Ini adalah kerana pelajar tersebut akan mengikuti kurikulum yang telah disediakan oleh IPTA yang mengandungi kursus teras universiti (yang mengandungi matapelajaran yang tersebut di atas), fakulti, program dan kursus elektif.

4. Surat Pekeliling Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Bil. 1/2004 ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'.



(DATUK ABDUL RAFIE BIN MAHAT)
Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Salinan kepada:

1. Y. B. Tan Sri Dato' Seri Musa Bin Mohamad
Menteri Pendidikan Malaysia
2. Y.B. Dato' Abdul Aziz Bin Shamsuddin
Timbalan Menteri Pendidikan
3. Y.B. Dato' Hon Choon Kim
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
4. Y.B. Dato' Mahadzir Bin Mohd Khir
Setiausaha Parlimen
5. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Timbalan – Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

7. Timbalan – Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Pengarah – Pengarah Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Ketua Eksekutif
Lembaga Akreditasi Negara
10. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
11. Penasihat Undang – Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
12. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia